

04/10/2002

Konsert khas AirAsia tampil artis popular

Suzan Ahmad

TIDAK lengkap rasanya jika pembaca setia Berita Harian tidak bersama-sama merasa tempias hangatnya Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2002 (ABP-BH 2002) yang bakal berlangsung di Arena of Stars, Genting Highlands, pada 13 Oktober ini.

Bagi memeriahkan lagi suasana, syarikat penerbangan AirAsia Sdn Bhd selaku salah satu syarikat penaja ABP-BH 2002 menampilkan sebuah konsert mini khas di Sungei Wang Plaza, Kuala Lumpur, mulai jam 8 malam esok.

Konsert itu menampilkan artis popular tempatan seperti KRU, Juliana Banos, Fazley, Ella, Zamani, Anuar Zain, X'pose, Ezlynn, NRG, Maya Karin dan kumpulan rock Giegel.

Ruang legar pusat beli-belah itu dijangka gamat serta meriah dengan kunjungan warga kota.

Konsert mini itu menggandingkan dua pengacara popular TV3 - Ally Iskandar dan Raja Azura - pastinya ramai akan terhibur dengan gelagat mereka.

Antara lagu yang bakal dipersembahkan termasuklah Dosa Apa dendangan Maya Karin, Cahaya (Giegel), Tinggal Tandatanya (Ella), Permata (Anuar Zain), Cinta Gila (Juliana Banos) dan Asmara Ini (Fazley).

Bagi Anuar Zain, konsert mini itu dapat memeriahkan lagi ABP-BH 2002 selain mempromosikan album terbarunya yang sudah menjengah pasaran.

"Saya terharu dicalonkan dalam kategori Penyanyi Lelaki Popular kali ini. Bagi saya masuk Top 5 cukup membanggakan," katanya.

Pendapat Anuar itu disokong Fazley yang akan sama-sama berentap dalam kategori terbabit.

"Bagi saya anugerah yang dianjurkan oleh Berita Harian ini membuktikan sokongan pihak media untuk membantu perkembangan artis tanah air. Apapun malam esok, kita berhibur dulu dalam konsert mini di Sungei Wang Plaza dan jangan lupa bersama saya," katanya.

Selain berhibur, penonton yang hadir di Sungei Wang Plaza juga berpeluang mencuba nasib memenangi pas percuma ABP-BH 2002 dengan menjawab soalan melalui kuiz mudah yang akan dikendalikan pengacara dan artis terbabit.

Majlis juga bakal menyaksikan perjanjian secara rasminya pembabitan AirAsia sebagai Syarikat Penerbangan Rasmi dan Penaja Bersama ABP-BH 2002.

Selain itu, penaja perdana ABP-BH 2002 iaitu TIMEKontakt juga akan menyerahkan kad prabayar edisikhas kepada beberapa artis terpilih seperti KRU, Ella, Maya Karin dan Fazley.

Sementara itu, pusat pengiraan undi ABP-BH 2002 di Balai Berita, Bangsar terus menerima berguni-guni undian pembaca biarpun tarikh tutupnya pada 28 September lalu.

Apa pun, kaki tangan di bahagian pengiraan undi akan cuba mengira penyertaan yang dihantar itu sehingga ke saat akhir.

Bagi peminat Anita Sarawak pula, nantikan ketibaan diva popular itu pada 8 Oktober nanti. Anita dijadualkan menaiki ERL dari KLIA ke KL Sentral yang hanya mengambil masa perjalanan 28 minit saja.

Setibanya di KL Sentral, Anita dan suaminya Mohd Mahathir Abdullah akan terus dibawa ke puncak Genting Highlands dengan sebuah limo yang sedia menanti.